

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
3-5	KAMPUS UNIVERSITI TSUKUBA TINGKATKAN PELUANG PENDIDIKAN UNIT PELAJAR MALAYSIA	1 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
6-7	TINDAKAN PANTAS TIGA PELAJAR POLITEKNIK BERJAYA SELAMATKAN KANAK-KANAK HAMPIR LEMAS	6 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
8-10	PERMOHONAN SERTAI PROGRAM TVET 3.75 PERATUS DALAM TEMPOH ENAM BULAN	6 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
11-13	INSTITUSI PENYELIDIKAN PERLU KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI, SEKTOR SWASTA TEROKAI BIDANG BAHARU	10 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
14-18	PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT RANCAKKAN PEMBUDAYAAN ILMU, LUASKAN PELUANG BELAJAR	10 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
19-20	PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA 2026-2035 DI-JANGKA SIAP HUJUNG TAHUN INI	11 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
21-22	PARLIMEN:KESUMA, JTM RANCANG GERAK KERJA WUJUDKAN IIJTM PREMIUM, PERKASA LATIHAN TVET	11 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
23-24	KPT PERUNTUK RM50,000 ANJUR AKTIVITI KESUSAstERAAN	12 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
25-27	MELAKA PERINTIS KONSEP GAMIKASI KARNIVAL KERJAYA	13 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
28-30	PEMERIKSAAN KESIHATAN TERMASUK UJIAN HIV PELAJAR BAHRU SUDAH DILAKSANAKAN	14 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
31-33	PERHALUSI GAJI PREMIUM TVET ANTARA CADANGAN DIMUKTAMAD OLEH JTDC	17 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE

M/S	TAJUK BERITA	TARIKH	SUMBER
34-36	SEBANYAK 1,038 TEMPAT TVET YANG DITAWAR OLEH MCI SUDAH DIISI	17 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
37-38	TVET TAHFIZ:ILP KANGAR JALIN KERJASAMA DENGAN AGENSI AGAMA NEGERI TARIK LEBIH PESERTA	18 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
39-43	SIJIL KOMPETENSI PENTING UNTUK GRADUAN KEKAL LESTARI	22 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
44-46	PEMEGANG SIJIL, DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA LAYAK MASUK KE PERKHIDMATAN AWAM	23 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
47-48	KERAJAAN AKAN WUJUDKAN KURSUS FISIOTERAPI DALAM TVET	23 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
49-51	JPA SEDIA RUANG, PELUANG GRADUAN TVET BERKHIDMAT DALAM SEKTOR AWAM	24 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
52-53	200 PELAJAR INDIA DIHANTAR KE CHINA BELAJAR TVET	28 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE
54-56	KPT LIHAT KEPERLUAN TAMBAH TENAGA PENGAJAR POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI	30 JULAI 2024	BERNAMA ONLINE

BERNAMA

1 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | KAMPUS UNIVERSITI TSUKUBA TINGKATKAN PELUANG PENDIDIKAN UNTUK PELAJAR MALAYSIA

Kampus Universiti Tsukuba Tingkatkan Peluang Pendidikan Untuk Pelajar Malaysia

⌚ 01/07/2024 08:23 PM



Katsuhiko Takahashi --fotoBERNAMA (2024)

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Kampus cawangan baharu Universiti Tsukuba di Malaysia akan meningkatkan peluang pendidikan untuk pelajar Malaysia dan mengukuhkan hubungan dua hala Jepun-Malaysia.

Duta Jepun ke Malaysia, Katsuhiko Takahashi, berkata universiti itu dianggap sebagai salah satu institusi pendidikan dan sukan terkemuka di Jepun, dengan menghasilkan tiga pemenang Hadiah Nobel dan 133 pemenang pingat Olimpik dan Paralimpik.

"(Universiti) Tsukuba boleh menawarkan pelajar Malaysia pelbagai pilihan akademik dan peluang untuk berkembang. Segala-galanya berjalan lancar kerana kampus di sini dijadualkan dibuka pada awal September.

"Kami berbesar hati kerana Malaysia dipilih sebagai lokasi pertama untuk pengembangan penting ini, menunjukkan hubungan kukuh antara negara kita," katanya.

Beliau membuat kenyataan itu dalam temu bual dalam program The Nation 'In-Focus: Malaysia-Japan Relations' terbitan Bernama TV di sini, pada Isnin.

Mengulas lanjut, Takahashi menekankan bahawa permohonan untuk pengambilan September kini dibuka, dengan kohort pertama bermula dengan 40 pelajar dan 14 guru dari Tsukuba.

"Kami bersedia untuk permulaan tahun akademik dan berharap lebih ramai pelajar Malaysia mempertimbangkan untuk memohon. Maklumat lanjut boleh didapati di laman sesawang universiti," katanya.

Universiti itu yang menawarkan kursus antara disiplin di Kuala Lumpur adalah universiti Jepun pertama yang menubuhkan cawangan luar negara yang memberikan ijazah.

Menurut Universiti Tsukuba, jabatan baharu "School of Transdisciplinary Science Design" menyasarkan pelajar dari Malaysia dan negara jiran, dengan tujuan untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran untuk membantu menyelesaikan masalah yang melibatkan negara Asia Tenggara.

Dalam perkembangan lain, Takahashi menyatakan rasa teruja mengenai penyertaan Malaysia pada Ekspo Dunia 2025 yang akan datang di Osaka.

Diplomat berkenaan juga menekankan peluang yang disediakan oleh Ekspo untuk memperkuuh hubungan dua hala.

"Saya berharap pavilion Malaysia dapat mempamerkan pencapaian dalam pertanian lestari, kehidupan pintar, pembuatan termaju dan pengurusan alam sekitar.

"Mempunyai pavilion Malaysia yang berjaya adalah sumbangan besar kepada Ekspo. Jika Malaysia berjaya, kita semua berjaya, membawa kepada situasi menang-menang dan pengukuhan lanjut hubungan dua hala kita," katanya.

Takahashi juga menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia untuk memanfaatkan Ekspo untuk mempamerkan teknologi canggih dan memupuk pembelajaran bersama.

"Semua teknologi canggih akan berkumpul di satu tempat, menyediakan peluang besar untuk pembelajaran bersama dan kerjasama," katanya.

Ekspo yang dijadualkan dari 13 April hingga 13 Okt 2025 di Pulau Yumeshima akan menampilkan tema "Designing Future Society for Our Lives".

Acara ini bertujuan untuk mempamerkan inovasi dan penyelesaian global kepada cabaran moden, dengan fokus pada Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) PBB.

-- BERNAMA

BERNAMA

6 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | TINDAKAN PANTAS TIGA PELAJAR POLITEKNIK BERJAYA SELAMATKAN KANAK-KANAK HAMPIR LEMAS

Tindakan Pantas Tiga Pelajar Politeknik Berjaya Selamatkan Kanak-kanak Hampir Lemas

🕒 06/07/2024 11:24 PM



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

KUALA TERENGGANU, 6 Julai (Bernama) -- Berbekalkan pengetahuan dan kemahiran asas menyelamat yang dipelajari ketika belajar di politeknik, tiga pelajar institusi berkenaan berjaya menyelamatkan dua kanak-kanak hampir lemas ketika mandi di Pulau Perhentian, dekat Besut hari ini.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam kenyataan hari ini memaklumkan kesemua pelajar itu ialah Ahmad Danial Safwan Ahmad Safri dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah di Kuantan, Pahang; Naufal Zahari (Politeknik Sandakan, Sabah); dan Mohamad Haikal Danis Mohamad Nasir (Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang).

"Ketika kejadian ketiga-tiga pelajar terbabit sedang melakukan aktiviti dalam kumpulan berhampiran tempat kejadian," menurut kenyataan itu.

KPT memaklumkan kesemua pelajar itu ternampak dua kanak-kanak berusia lingkungan sembilan tahun hampir lemas, sebelum mereka bertindak pantas menyelamatkan mangsa meskipun lokasi terbabit agak dalam dan tidak tercapai oleh kaki.

Menurut KPT, Naufal memaklumkan bahawa seorang daripada kanak-kanak itu mengalami muntah teruk dan agak lemah manakala Mohammad Haikal pula memanjatkan kesyukuran kerana berjaya menyelamatkan kedua-dua kanak-kanak itu.

-- BERNAMA

BERNAMA

6 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | PERMOHONAN SERTAI PROGRAM TVET 3.75 PERATUS DALAM TEMPOH ENAM BULAN

Permohonan Sertai Program Tvet Meningkat 3.75 Peratus Dalam Tempoh Enam Bulan - Ahmad Zahid

🕒 06/07/2024 11:56 AM



PASIR MAS, 6 Julai (Bernama) -- Permohonan menyertai program aliran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menunjukkan peningkatan sebanyak 3.75 peratus sejak Januari hingga Jun tahun ini, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Ahmad Zahid yang juga Pengurus Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata peningkatan itu sekali gus menangkis persepsi negatif masyarakat bahawa TVET hanya untuk individu tercincir dalam akademik kerana ia mampu menjadi laluan kerjaya pilihan utama belia.

Beliau berkata kerajaan telah membuat pelaburan yang cukup besar dalam menyediakan pelbagai prasarana dan kemudahan untuk memastikan agenda merakyatkan TVET ini dapat direalisasikan.

"Kini terdapat sejumlah 1,345 institusi TVET awam dan swasta yang beroperasi di seluruh negara.

"Belia lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang mempunyai kecenderungan terhadap pedagogi secara teknikal berpeluang menyertai program TVET bermula dari peringkat Sijil, Diploma dan peringkat yang paling tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Sambutan Karnival Kerjaya dan Sukan Anak Muda MADANI 1.0 di Sekolah Kebangsaan Sultan Ibrahim 1, di sini, hari ini.

"TVET perlu dianggap sebagai satu daripada cabang pendidikan yang boleh menjadi pilihan oleh sesiapa sahaja mengikut kecenderungan dan minat masing-masing," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid berkata kadar lepasan TVET yang mendapat pekerjaan juga tinggi iaitu mencecah 94.5 peratus kerana rata-rata majikan mahu mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing terutama dalam sektor (3D) iaitu kotor, bahaya, dan sukar.

Sementara itu, mengulas mengenai permohonan Orang Asli dalam TVET, Ahmad Zahid berkata kerajaan menyasarkan 400 tempat bagi Orang Asli di pusat TVET seluruh negara, tahun ini.

Menurutnya, pada tahun lepas sekitar 350 Orang Asli menyertai TVET dan jumlah berkenaan menunjukkan komuniti itu proaktif menyertai TVET.

"Saya akan mewujudkan satu kemasukan khas untuk Orang Asli dalam TVET," katanya.

Pada 30 Mei lepas, Ahmad Zahid dilaporkan berkata 220 syarikat China menawarkan 5,125 kuota kepada pelajar Malaysia untuk menjalani latihan berkaitan TVET bagi jangka pendek, sederhana dan panjang sekali gus menjadi pengubah keadaan dalam melonjakkan industri TVET di Malaysia.

Tawaran itu adalah hasil jalinan kerjasama antara Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (Belia Mahir) dengan pihak industri berkaitan TVET di China iaitu Beifang Automotive Education Group dan Tang (M) International Education Group, melalui memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai.

-- BERNAMA

BERNAMA

10 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | INSTITUSI PENYELIDIKAN PERLU KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI, SEKTOR SWASTA TEROKAI
BIDANG BAHRU

Institusi Penyelidikan Perlu Kerjasama Dengan Universiti, Sektor Swasta Terokai Bidang Baharu – PM

⌚ 10/07/2024 02:43 PM



Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berucap pada Majlis Peluncuran Loji Janakuasa Solar Hibrid Cypark di Cypark Solar Merchang, Marang hari ini.

MARANG, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa institusi penyelidikan negara atau negeri supaya bekerjasama dengan universiti dan sektor swasta bagi meneroka serta memperkembangkan bidang baharu yang dapat dimanfaatkan rakyat.

Anwar berkata kerjasama itu penting kerana Malaysia masih jauh ketinggalan dalam bidang penyelidikan berbanding negara lain seperti Brazil, India, China, Turkiye dan Emiriyah Arab Bersatu (UAE) yang lebih maju dan memberi tumpuan dalam bidang baharu.

Memberi contoh Mohamed bin Zayed University of Artificial Intelligence di Abu Dhabi, UAE, Anwar berkata universiti berkenaan telah memfokuskan kepada teknologi kecerdasan buatan (AI).

"Jadi kita mengambil pendekatan menyegerakan pelaksanaan Fakulti Kecerdasan Buatan di Universiti Teknologi Malaysia dan rangkaianya dengan semua universiti yang mempunyai AI.

"Itu sebagai contoh bagaimana harus ada usaha untuk menyegerakan penerokaan bidang baharu," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Loji Janakuasa Solar Hibrid Cypark di Cypark Solar Merchang, di sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air Datuk Seri Fadillah Yusof, Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar dan Ketua Polis Negara Tan Sri Razarudin Husain.

Loji Janakuasa Solar Hibrid Merchang (LSS3) merupakan loji janakuasa solar hibrid terbesar di Malaysia, terdiri daripada 35MW solar terapung di permukaan air dan 65MW solar dipasang di darat.

Projek yang dilaksanakan Cypark Resources Bhd (Cypark) itu dibangunkan mengikut kesesuaian persekitaran semula jadi Terengganu yang terdedah kepada banjir.

Dalam pada itu, Anwar berkata bidang penyelidikan di negara ini juga perlu memastikan pelajar di dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) turut dilatih dengan bidang baharu seperti tenaga solar.

"Oleh itu kalau ada (institusi) TVET umpamanya di Merchang atau Marang atau yang berdekatan, saya syorkan harus ada kepakaran daripada Cypark untuk membantu melatih rakan-rakan TVET di Merchang (atau kawasan sekitar).

"Jadi itu keputusan yang akan dilaksanakan dalam tempoh dua minggu ini iaitu melihat apa institusi latihan yang ada dan kalau boleh kita putuskan jurutera atau kepakaran dalam bidang tenaga suria Cypark (datang) dua minggu sekali atau seminggu sekali atau mengambil alih satu kelas dan anak-anak yang dilatih akan dijamin untuk terus bekerja dengan Cypark," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata Cypark diarahkan memberi laporan ringkas mengenai perancangan syarikat tersebut untuk memastikan anak-anak muda di Terengganu mendapat latihan istimewa dalam bidang tenaga boleh diperbaharui.

Katanya laporan tersebut perlu diserahkan Fadillah dalam tempoh dua minggu.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut memuji usaha Cypark dalam memajukan industri tenaga boleh diperbaharui khususnya tenaga solar di negara ini yang membawa manfaat dan kebaikan kepada rakyat.

-- BERNAMA

BERNAMA

10 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT RANCACKAN PEMBUDAYAAN ILMU, LUASKAN PELUANG BELAJAR

TINTA MINDA

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT RANCACKAN
PEMBUDAYAAN ILMU, LUASKAN PELUANG BELAJAR



10/07/2024 11:27 AM

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dan Pengiktirafan atau Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu yang dikenali "Accreditation of Prior Learning Experience (APEL)" adalah konsep penting dalam konteks pembangunan pendidikan di Malaysia.

Ini bukan sahaja membawa manfaat kepada individu tetapi juga memperkayakan budaya ilmu, mempersiapkan tenaga kerja mahir, meningkatkan peluang kerjaya dan memastikan akses terbuka kepada pendidikan berkualiti, sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan 4 UNESCO atau UNESCO Sustainable Development Goal 4 (SDG) di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. SDG 4 bermatlamat untuk "Memastikan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua".

Kerajaan Malaysia mempunyai hasrat yang jelas dalam mempromosikan PSH dan APEL sebagai sebahagian daripada usaha memastikan pendidikan berkualiti dan inklusif dengan menekankan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

Kerajaan telah menyusun Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk Pengajian Tinggi 2013-2025 dan Pembangunan Pelan Induk PSH Malaysia 2021 yang antara lain memberi focus kepada anjakan ke arah menghayati pembelajaran sepanjang hayat. Ini termasuk peningkatan akses kepada pelbagai program pembelajaran, pengiktirafan pengalaman praktikal melalui APEL dan penekanan kepada pendidikan yang relevan dengan keperluan industri.

Pembelajaran sepanjang hayat

PSH merujuk kepada proses pembelajaran yang berlaku sepanjang hayat seseorang, tanpa mengira usia atau peringkat pendidikan. Ini termasuk pembelajaran formal di institusi pengajian tinggi, pembelajaran tidak formal melalui kursus-kursus dan latihan, serta pembelajaran informal seperti pembelajaran sendiri melalui pengalaman hidup. PSH memberi penekanan kepada konsep pembelajaran sepanjang hayat bagi membolehkan individu terus berkembang dan menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran baharu dalam kehidupan.

APEL adalah satu mekanisme yang membolehkan individu mempunyai pengalaman kerja atau pembelajaran luar institusi formal untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi. Melalui APEL, seseorang dewasa yang telah mempunyai pengalaman luas dalam bidang tertentu boleh mengiktirafkan pencapaian mereka dan memperoleh kelayakan akademik yang setaraf dengan pendidikan formal.

Malaysian Qualifications Agency (MQA) telah diamanahkan untuk mengurus dan mengawal selia APEL di Malaysia. Sebagai badan yang bertanggungjawab dalam mengawal kualiti pendidikan tinggi di negara ini, MQA memainkan peranan penting dalam menetapkan standard, garis panduan dan proses penilaian bagi APEL. Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Profesor Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran menyatakan bahawa institusi pengajian tinggi juga digalakkan untuk menjadi Pusat Penilaian APEL. Beliau berkata inisiatif ini bertujuan memberikan peluang kepada individu yang tidak mempunyai kelayakan konvensional untuk mengejar pengajian yang diimpikan dalam bidang masing-masing. Sehingga kini, terdapat tiga jenis APEL yang diperkenalkan oleh MQA, iaitu APEL.A untuk akses kemasukan ke institusi pengajian tinggi, APEL.C untuk pemindahan kredit, dan APEL.Q untuk penganugerahan terus berdasarkan pengalaman pemohon.

Budaya ilmu proaktif

Pembelajaran sepanjang hayat membentuk budaya ilmu yang proaktif dalam kalangan masyarakat Malaysia. Ini bermakna individu tidak hanya belajar semasa di sekolah atau universiti, tetapi juga sepanjang hayat mereka. Budaya ini menggalakkan rasa ingin tahu yang berterusan, menghasilkan masyarakat yang lebih terbuka terhadap idea baharu, pengetahuan dan inovasi. Ini bukan sahaja memberi manfaat kepada individu tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhannya dengan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan yang relevan dengan cabaran semasa.

APEL memainkan peranan yang penting dalam persediaan tenaga kerja mahir dan membolehkan individu yang telah mempunyai pengalaman kerja tetapi mungkin tidak mempunyai kelayakan formal yang diperlukan untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik atau meningkatkan kerjaya mereka. Dengan APEL, pengalaman praktikal mereka diiktiraf dan dikreditkan sebagai sebahagian daripada kelayakan yang diperlukan, membantu mereka memasuki bidang yang lebih tinggi atau mendapat pengiktirafan yang diperlukan.

Pendekatan pembelajaran sepanjang hayat ini akan memastikan bahawa peluang belajar adalah terbuka dan inklusif untuk semua lapisan masyarakat. Dengan adanya pelbagai program pembelajaran seperti kursus dalam talian, seminar, program latihan industri dan program pembelajaran berterusan, individu dari pelbagai latar belakang dan peringkat umur dapat mengakses pendidikan berkualiti yang relevan dengan keperluan mereka.

Ini memberi kesempatan kepada golongan yang sebelum ini mungkin terpinggir untuk mengambil bahagian dalam pembangunan masyarakat melalui pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh.

Pengalaman praktikal bernali

Individu yang telah bekerja memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran sepanjang hayat dan APEL. Mereka membawa pengalaman praktikal yang bernali ke dalam proses pembelajaran, membantu menghubungkan teori dengan aplikasi dalam konteks sebenar.

Di samping itu, institusi pengajian tinggi seperti universiti dan kolej, bekerjasama dengan MQA untuk menyediakan program-program yang sesuai dengan keperluan industri dan memastikan kualiti pendidikan yang terjamin. Badan-badan profesional juga memberikan pengiktirafan dan sokongan kepada individu yang ingin mengikuti program APEL, menjadikan proses pengiktirafan dan pemindahan kredit lebih lancar.

Pembelajaran Sepanjang Hayat dan APEL adalah aspek penting dalam pembangunan pendidikan Malaysia yang berkekalan. Budaya ilmu yang dipupuk membawa kesan positif kepada masyarakat, sementara persediaan tenaga kerja mahir dan peluang kerjaya yang lebih baik memberikan impak yang signifikan terhadap ekonomi negara.

Dengan sokongan dari individu, institusi pendidikan tinggi, badan-badan profesional dan kerajaan, pembelajaran sepanjang hayat dan APEL akan terus menjadi landasan penting dalam memastikan akses kepada pendidikan berkualiti untuk semua rakyat Malaysia.

BERNAMA

11 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA 2026-2035 DIJANGKA SIAP HUJUNG TAHUNINI

Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2026-2035 Dijangka Siap Hujung Tahun Ini - Zambry

🕒 11/07/2024 09:12 PM



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir (kanan) pada Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 di WTC Kuala Lumpur hari ini. -- fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 sedang dirangka dan akan siap hujung tahun ini, bagi menggantikan PPPTM 2015-2025 yang tamat tahun hadapan.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata pelan baharu itu mencorakkan hala tuju pendidikan tinggi negara selaras dengan perkembangan teknologi semasa bagi tempoh 10 tahun akan datang.

"Dengan keperluan dunia digital dan pendidikan berdasarkan industri, maka kita perlu membuat persiapan awal dalam menentukan hala tuju pendidikan tinggi negara bagi 10 tahun akan datang.

"Jadi kita perlu lihat bagaimana hendak menjadikannya (pendidikan tinggi negara) lebih anjal dalam pelbagai aspek," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Penasihat PPPTM 2026-2035 di sini hari ini

Zambry berkata pihaknya sedang mengadakan beberapa siri libat urus bersama pemegang taruh dan kumpulan sasar dalam memformulasi PPPTM 2026-2035 bagi memastikan dokumen tersebut komprehensif dan inklusif.

Mengulas mengenai mesyuarat hari ini, beliau berkata sekumpulan pakar telah memberi pandangan serta membentangkan gambaran ringkas mengenai strategi, keperluan dan cabaran yang perlu digariskan dalam PPPTM 2026-2035.

Beliau berkata orang ramai juga boleh menyumbang idea dan pandangan mengenai penghasilan PPPTM 2026-2035 melalui tinjauan nasional yang sedang dilaksanakan KPT.

Tinjauan tersebut boleh diakses melalui pautan <https://forms.gle/fG3JpxF4zSWk4uEh7>.

BERNAMA

11 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | PARLIMEN: KESUMA, JTM RANCANG GERAK KERJA WUJUDKAN IIJTM PREMIUM, PERKASA LATIHAN TVET

Parlimen: Kesuma, Jtm Rancang Gerak Kerja Wujudkan IIjtm Premium, Perkasa Latihan Tvet

⌚ 11/07/2024 01:09 PM



Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui Jabatan Tenaga Manusia (JTM) sedang merancang gerak kerja bagi mewujudkan Institut Latihan JTM (ILJTM) Premium, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata langkah itu antara inisiatif bagi menjenamakan semula program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di bawah kementerian berkenaan.

"Inisiatif ini adalah satu usaha KESUMA untuk menawarkan program-program yang lebih fleksibel dan memenuhi keperluan industri, bekerjasama dengan syarikat-syarikat berimpak tinggi dalam memperkasakan latihan TVET negara," katanya.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan asal Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching) mengenai pelan kementerian untuk memperkasakan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh negara bagi memastikan tenaga kerja negara dilatih untuk memenuhi keperluan industri pada sesi soal jawab.

Menjawab soalan tambahan Yii berkaitan langkah kementerian bagi mengelakkan berlakunya pertindihan dalam bidang-bidang kemahiran TVET, Abdul Rahman berkata KESUMA sudah mengambil langkah dengan menetapkan hanya satu peneraju bagi sesuatu bidang tertentu di sesebuah institusi.

"Pertindihan ini (juga) terdapat keperluan mengikut lokaliti bagi menampung jumlah permohonan yang tinggi dan kita telah bersedia untuk melaksanakan kajian iaitu rasionalisasi program di bawah kemahiran JTM," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan Nurul Amin Hamid (PN-Padang Terap) mengenai sama ada KESUMA bercadang untuk mengkaji elaun pelajar ILP semasa kursus dan latihan industri, Abdul Rahman memaklumkan perkara itu masih dikaji.

BERNAMA

12 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | KPT PERUNTUK RM50,000 ANJUR AKTIVITI KESUSASTERAAN

Kpt Peruntuk Rm50,000 Anjur Aktiviti Kesusasteraan

① 12/07/2024 11:47 PM



Datuk Seri Dr Zambray Abd Kadir

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperuntuk RM50,000 bagi penganjuran aktiviti berkaitan kesusasteraan di peringkat institusi pengajian tinggi.

Menteri berkenaan Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata ia demi memperbanyak aktiviti sedemikian menerusi kerjasama dengan Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) dalam usaha membina keperibadian dan jati diri masyarakat.

"Satu daripada bentuk pembinaan jati diri ialah dengan kembali menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan selain elemen kebudayaan dan juga kesusasteraan yang berhubung kait dengan latar belakang segala-galanya.

"Lantaran itu kita akan menganjurkan beberapa program yang berkaitan seperti sayembara puisi," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan Hari Puisi Kebangsaan anjuran GAPENA di sini malam ini yang turut dihadiri Presiden gabungan itu Datuk Zainal Abidin Borhan.

Pada majlis itu, penyair serta pendeklamasi terkemuka tanah air Puji Hadi dan Marzuki Ali telah dinobatkan sebagai Tokoh Puisi Kebangsaan 2024.

Zambry juga berkata sehubungan itu, penganjuran aktiviti kesusasteraan tidak terhad kepada institusi pengajian tinggi awam sahaja malah terbuka kepada semua cabang pendidikan di bawah naungan KPT.

"Ia akan melibatkan semua. Kita tidak menghalang hanya satu pihak tapi akan buka kepada institusi pengajian tinggi swasta serta semua cabang yang ada dalam KPT seperti politeknik dan kolej komuniti," katanya.

BERNAMA

13 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | MELAKA PERINTIS KONSEP GAMIKASI KARNIVAL KERJAYA

Melaka Perintis Konsep Gamifikasi Karnival Kerjaya

① 13/07/2024 05:51 PM



Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh (tengah) merasmikan Karnival Kerjaya MyFutureJobs Melaka Careertrans 2024 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer keroh hari ini. Turut hadir Pengurus Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Datuk Seri Subahan Kamal (dua, kanan).

MELAKA, 13 Julai (Bernama) -- Melaka menjadi negeri perintis konsep gamifikasi berteraskan inovasi dan interaktif pada Karnival Kerjaya MyFutureJobs Melaka Careertrans 2024 yang berlangsung dua hari bermula hari ini di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh di sini.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Datuk Seri Subahan Kamal berkata buat permulaan enam syarikat atau majikan terlibat dalam sesi temu duga menggunakan konsep gamifikasi berkenaan antaranya CTRM Aero Composites Sdn Bhd dan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (Puspakom).

Beliau berkata konsep gamifikasi tersebut diaplikasikan kepada setiap pencari kerja pada sesi temu duga selaras dengan revolusi industri 4.0 yang menekankan kolaborasi manusia dan robot, penyesuaian fenomena dan sistem kognitif.

"Kecanggihan ini mendorong kami untuk berdiri sejajar dengan peralihan revolusi dan mencetuskan idea stesen gamifikasi sebagai satu daripada teknik saringan dalam sesi temu duga yang lebih menyeronokkan dan sesuai dengan generasi milenial.

"Pemilihan Melaka sebagai negeri perintis konsep gamifikasi ekoran fokus kerajaan negeri yang aktif menarik kedatangan pelabur ke negeri itu sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan khususnya dalam pelbagai industri," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Karnival Kerjaya MyFutureJobs Melaka Careertrans 2024 di sini hari ini.

Karnival yang menawarkan lebih 3,000 kekosongan jawatan dalam pelbagai sektor melibatkan 40 majikan itu dirasmikan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan turut dihadiri Timbalan Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Siti Faizah Abd Azis.

Mengulas lanjut, Subahan berkata temu duga berkonsepkan gamifikasi itu melibatkan dua stesen iaitu A dan B yang perlu dilalui pencari kerja dengan stesen A merupakan 'brainy challenge' melibatkan saringan kognitif menerusi kaedah permainan video mengikut kategori memori, fokus dan proses kelajuan otak berfikir.

Beliau berkata stesen B pula ujian kerjasama berkumpulan menerusi permainan 'block builder', 'mini squash' dan 'blind shooter' yang perlu diselesaikan dalam tempoh masa ditetapkan.

"Kaedah gamifikasi ini bukan sahaja dapat menjamin konsistensi penilaian calon temu duga dan mengurangkan kesilapan manusia oleh penilai temu duga, namun ia juga dapat memberi manfaat kepada calon temu duga untuk mengetahui tahap kekuatan dan kekurangan masing-masing menerusi keputusan permainan video terlibat.

"Justeru, penggunaan konsep gamifikasi berkenaan akan diperluaskan pada karnival kerjaya yang akan dianjurkan di negeri lain pada masa hadapan," katanya.

Terdahulu, beliau berkata berdasarkan statistik Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs hingga Jun lepas, sebanyak 110,003 jawatan kosong ditawarkan di seluruh negara dan dalam tempoh sama 78,109 pencari kerja mendapat penempatan pekerjaan.

Sementara itu, Ab Rauf berkata berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia kadar pengangguran negeri Melaka bagi suku tahun pertama tahun ini ialah 2.2 peratus, lebih rendah berbanding kadar nasional iaitu 3.3 peratus.

"Isu kebolehpasaran siswazah dan persaingan pekerjaan yang kompetitif masa kini sering kali menjadi topik perbincangan dalam landskap dunia pekerjaan.

"Justeru, kerajaan negeri optimis dalam meningkatkan pembangunan ekonomi yang komprehensif serta mampan dengan memberi penekanan ke arah membangunkan Melaka sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)," katanya.

BERNAMA

14 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | PEMERIKSAAN KESIHATAN TERMASUK UJIAN HIV PELAJAR BAHARU SUDAH DILAKSANAKAN

Pemeriksaan Kesihatan Termasuk Ujian Hiv Pelajar Baharu Sudah Dilaksanakan

⌚ 14/07/2024 06:25 PM



Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zamby Abd Kadir (Gambar fail)

KANGAR, 14 Julai (Bernama) -- Keperluan pemeriksaan kesihatan termasuk ujian HIV terhadap pelajar baharu untuk melanjutkan pengajian di universiti tempatan sudah dilaksanakan dan ia bukan sesuatu yang baharu.

Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata proses pemeriksaan kesihatan bagi mendapatkan laporan perubatan pelajar perlu dilakukan sebelum mereka mendaftar masuk ke mana-mana institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini.

"Itu telah lama dilakukan cuma mungkin kali ini diuar-uarkan disebabkan perbahasan di peringkat Parlimen yang bertanya dari segi jumlah bilangan (kes HIV dalam kalangan pelajar) dan sebagainya.

"Proses pemeriksaan kesihatan itu dibuat dari segi perubatan, jadi ia bukanlah sesuatu yang baharu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Kangar di sini hari ini.

Zambry yang juga Ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO ditanya mengenai laporan portal berita berkaitan gesaan agar universiti mewajibkan ujian HIV terhadap pelajar baharu susulan peningkatan kes melibatkan golongan itu yang berusia 18 hingga 25 tahun.

Menerusi laporan itu, Presiden Interim Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya Nazirah Abdullah dipetik sebagai berkata pada masa ini penularan kes HIV gagal ditangani di peringkat kampus kerana kekurangan usaha merangka dasar dan pelaksanaan program kesedaran kepada pelajar.

Gesaan itu susulan laporan media pada 4 Julai lepas berhubung pendedahan Zambry dalam Parlimen bahawa terdapat peningkatan membimbangkan kes HIV dalam kalangan pelajar berumur 18 hingga 25 tahun di IPT negara ini.

Zambry dilaporkan sebagai berkata data daripada Kementerian Kesihatan menunjukkan trend kes HIV yang beralun tetapi secara keseluruhan meningkat dari 2020 hingga 2023, dengan seramai 214 pelajar IPT awam dan swasta dilaporkan menghidap HIV pada 2020.

Bagaimanapun, angka itu menurun kepada 186 kes pada 2021 tetapi meningkat kepada 221 kes pada 2022, seterusnya 244 kes tahun lepas.

BERNAMA

17 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | PERHALUSI GAJI PREMIUM TVET ANTARA CADANGAN DIMUKTAMAD OLEH JTDC

Perhalusi Gaji Premium Tvet Antara Cadangan Dimuktamad Oleh Jtdc - Tpm

⌚ 17/07/2024 08:27 PM



Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi --fotoBERNAMA (2024)

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Beberapa cadangan dimuktamad pada Mesyuarat Majlis Pembangunan Bakat Johor (JTDC) berhubung strategi bagi meningkatkan jumlah tenaga kerja mahir sekali gus membantu menangani isu ketidaksepadanan permintaan dalam industri itu terutama di Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata antaranya memperhalusi gaji premium kepada graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) oleh syarikat yang telah atau akan melabur di JS-SEZ.

Bagaimanapun, Pengerusi Jawatankuasa Majlis TVET Negara itu berkata jumlah tawaran gaji tertakluk kepada perbincangan yang akan diadakan oleh Menteri Besar Johor Datuk Onn Hafiz Ghazi bersama pemain industri di negeri berkenaan.

"Langkah ini supaya dapat bersaing dalam aspek penawaran gaji minimum, kalau tidakpun setara tetapi ia menarik berbanding tawaran negara jiran," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat JTDC di bangunan Parlimen hari ini.

Turut hadir Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek serta Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh.

Mengulas lanjut, Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata cadangan memperhalusi gaji premium bagi graduan TVET dijangka mampu diperluas ke negeri lain.

Beliau berkata cadangan lain ialah penganjuran pameran kerjaya untuk tawaran pekerjaan dalam bidang tenaga mahir supaya mampu mengisi kelompongan antara permintaan oleh industri dan permohonan daripada graduan.

"Contohnya, terdapat 74,710 kekosongan jawatan tetapi yang memohon hanya 51,946 dan ini ertinya terdapat kelompangan di situ lebih kurang 23,000... ada pekerjaan tetapi orang yang memohon tiada, perkara ini mesti diatasi," katanya.

Beliau berkata pameran TVET juga bakal dilaksana oleh pelbagai pihak antaranya Majlis Amanah Rakyat, Kementerian Pendidikan dan 108 institusi TVET di Johor untuk mempromosi tawaran kursus yang disediakan.

Ahmad Zahid berkata bagi memastikan setiap cadangan mencapai matlamat, Jawatankuasa Pelaksana JTDC akan ditubuh bagi mengkoordinasi serta memperhalusi gerak kerja secara berterusan dan jawatankuasa itu akan diterajui oleh Zambry.

"Ini pertama kali Kerajaan Persekutuan membuat mesyuarat koordinasi khusus untuk sebuah negeri dan ini bukannya agenda negeri sahaja kerana kita berpendapat ini agenda nasional yang harus didukung kerajaan Persekutuan untuk membantu perkembangan pembangunan ekonomi di zon ekonomi khas ini," katanya.

BERNAMA

17 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | SEBANYAK 1,038 TEMPAT TVET YANG DITAWAR OLEH MCI SUDAH DIISI

Sebanyak 1,038 Tempat Tvet Yang Ditawar Oleh Mci Sudah Diisi - Tpm

⌚ 17/07/2024 08:17 PM



Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Seri Dr Zahid Hamidi (berdiri, lima kanan) bergambar bersama peserta pada Majlis Pelepasan Peserta Program-program Inisiatif Malaysia-China Institut (MCI) di sini hari ini. --fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIIHARA

KUALA LUMPUR, 17 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata sebanyak 1,038 daripada keseluruhan 5,125 tempat yang ditawarkan oleh Institut Malaysia-China (MCI) dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) telah diisi.

Menggelarkannya sebagai 'pencetus perubahan' untuk TVET Malaysia, beliau berkata inisiatif itu akan memberikan kemahiran dalam menggunakan peralatan teknologi tinggi kepada pelajar Malaysia dan membina landasan kerjaya yang menjanjikan pulangan memuaskan dalam bidang TVET termasuk gaji yang lebih baik.

"Penting bagi kita menterjemahkan bentuk kerjasama ini dalam konteks Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) dan Perdana Menteri China Li Qiang teruja dengan kecepatan kita menyambut tawaran ini," katanya ketika berucap pada perasmian Majlis Pelepasan Peserta Program-Program Inisiatif MCI di sini hari ini.

Turut hadir Naib Pengerusi Eksekutif Chery Malaysia Chen Gang dan Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Manndzri Nasib selaku Pengerusi Lembaga Penasihat MCI.

Pada Mei lepas, sejumlah 220 syarikat China menawarkan 5,125 tempat untuk pelajar Malaysia menjalani latihan jangka pendek, sederhana dan panjang berkaitan TVET yang dilihat sebagai pemacu utama dalam meningkatkan industri itu di Malaysia.

Ahmad Zahid, yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah serta Pengerusi Majlis TVET Negara (MTVET), berkata pihaknya merencanakan dua kumpulan berbeza untuk dihantar ke China dengan satu daripadanya adalah tenaga pengajar.

"Pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) sendiri menghantar dua kumpulan tenaga pengajar dan setiap kumpulan terdiri daripada sembilan orang untuk mendapat pendedahan dalam pelbagai bidang yang ditetapkan. Jadi kita akan hantar dua kumpulan," katanya.

Beliau juga menekankan kepentingan memberi peluang yang saksama kepada semua pelajar dari pelbagai latar belakang termasuk kaum Cina dan India serta pelajar dari Sabah dan Sarawak dalam inisiatif ini.

"Sebanyak 5,125 tempat baharu diumumkan pada Mei lepas, sebelum itu hanya 2,000 yang diperuntuk kepada kita, dengan penambahan itu saya memberi peluang kepada kaum Cina, India, pelajar dari Sabah, Sarawak dan lain-lain untuk dihantar juga bagi memberikan kesaksamaan kepada pelajar-pelajar ini.

"Jadi saya berterima kasih kepada TANG International Education Group, Cherry serta Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) yang telah menyambut program ini dengan segera dan PTP misalnya, telah mengambil 100 peratus pelajar yang kita hantar untuk bekerja dengan mereka, begitu juga dengan Cherry," katanya.

Ahmad Zahid turut memaklumkan MTVET telah memeterai Memorandum Persefahaman dengan 1,383 syarikat untuk mengambil graduan TVET pada pelbagai tahap sekali gus menjamin peluang pekerjaan yang cerah untuk mereka.

BERNAMA

18 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | TVET TAHFIZ: ILP KANGAR JALIN KERJASAMA DENGAN AGENSI AGAMA NEGERI TARIK LEBIH PESERTA

Tvet Tahfiz: Ilp Kangar Jalin Kerjasama Dengan Agensi Agama Negeri Tarik Lebih Peserta

⌚ 18/07/2024 10:18 PM



Kredit foto: Nurul Syahirah Zulkifli.

KANGAR, 18 Julai (Bernama) -- Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar menjalin kerjasama dengan agensi agama di Perlis untuk menarik lebih ramai peserta dalam Program Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Tahfiz.

Pengarah ILP Kangar Mohd Yusri Mohd Rahim berkata beliau optimis jalinan kerjasama dengan agensi itu akan membuka lebih banyak peluang kepada belia dengan latar belakang pendidikan agama di Perlis memasuki bidang kemahiran sekali gus menjadi nilai tambah kepada pelajar tahfiz dan lepasan sekolah agama.

"Pada sesi kali ini, hanya 14 orang sahaja yang berjaya menamatkan latihan TVET di ILP Kangar dan kita berharap jalinan kerjasama dengan agensi antaranya Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis dan Pusat Kecemerlangan Pendidikan Faizuddin (FCoEE).

"Kita juga akan mempromosikan program TVET ini ke sekolah-sekolah agama, maahad tahfiz serta madrasah dan kita promosi melalui media sosial untuk pengambilan sesi kedua nanti," katanya kepada Bernama selepas Majlis Graduasi Tahfiz TVET di ILP Kangar hari ini.

Sementara itu, Muhammad Adi Muqri Mohd Yusri, 18, berkata latihan kemahiran yang dipelajari dan diperaktik selama tiga bulan memberikan kelebihan kepadanya dalam mencari peluang pekerjaan atau memulakan perniagaan sendiri.

"Saya ambil kursus Teknologi Penyelenggaraan Mekanikal, selepas ini saya berhasrat menyambung pengajian di ILP dalam kursus Teknologi Mekatronik dan saya menggalakkan pelajar-pelajar di luar sana memasuki ILP ini bagi mengasah kemahiran," katanya.

BERNAMA

22 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | SIJIL KOMPETENSI PENTING UNTUK GRADUAN KEKAL LESTARI

SIJIL KOMPETENSI PENTING UNTUK GRADUAN KEKAL LESTARI



22/07/2024 10:07 AM

Ekosistem pendidikan di Malaysia bermula daripada pendidikan awal hingga institusi pengajian tinggi. Merujuk kepada Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDGs*), pendidikan berkualiti merupakan elemen keempat daripada 17 elemen dalam agenda SDG. Agenda SDG ini telah diperkenalkan pada tahun 2015 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) di bawah seliaan *United Nations Department of Economic and Social Affairs (UN-DESA)* sebagai sekretariat pemantau kemajuan dan pencapaian SDG di peringkat antarabangsa.

Agenda yang dibangunkan ini bertujuan memberi pandu arah kepada sesebuah negara dalam memastikan polisi dan tindakan yang dibuat mempertimbangkan elemen kemampunan dunia pada masa akan datang. Melalui pendidikan berkualiti, pembangunan masyarakat dapat ditingkatkan sekali gus dapat memberikan kesan kepada sosial, ekonomi dan kelestarian kehidupan.

Dewasa ini, pmodenan pekerjaan dan kepantasan teknologi dunia memerlukan penilaian dan pengiktirafan terhadap kebolehupayaan individu menguasai ilmu, penilaian kecekapan dalam pengendalian sesuatu sistem melibatkan pekerjaan, etika, risiko dan keselamatan.

Merujuk kepada kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, istilah kompetensi bermaksud kebolehan, pengetahuan dan kemahiran melakukan sesuatu dengan cekap dan jaya, melepas ujian penilaian tahap individu.

Melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran

Secara khususnya, sijil kompetensi adalah perakuan kepada individu yang lulus penilaian sesuatu kemahiran berdasarkan kepada piawaian tertentu dan dianugerahkan oleh badan-badan pentauliahan yang berkaitan. Melalui pelaksanaan pengiktirafan ini, ia dapat memastikan hanya individu yang layak sahaja dibenarkan terlibat dalam sesuatu bidang atau pekerjaan yang berkaitan.

Kajian Pengesahan Graduan 2023 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi mendapati graduan yang telah menamatkan pengajian melebihi 300,000 orang melibatkan universiti awam, institusi pendidikan tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti dan vokasional, Institut Latihan Kementerian Awam dan institusi pengajian tinggi lain.

Hal ini memberikan indikasi graduan perlu melengkapkan diri dengan pelbagai kelebihan dalam memastikan mereka dapat melengkapi keperluan pekerjaan dan sekali gus menjadi pilihan majikan. Ia juga dapat memberikan kelebihan kepada graduan dan mengurangkan jurang persaingan dalam menempatkan diri dalam alam pekerjaan, berserta sijil akademik mengikut kelayakan.

Dalam bidang kejuruteraan terdapat pelbagai bidang kompetensi yang ditawarkan oleh agensi-agensi bertauliah. Bidang-bidang kompetensi ini dapat diklasifikasikan kepada beberapa kategori antaranya kemahiran (kimpalan, pembuatan, ujian tanpa musnah, binaan, elektrik dan elektronik), teknikal (digital, bahan, tenaga, reka bentuk, perisian) dan pengurusan (projek, keselamatan dan kesihatan, kualiti).

Bidang kompetensi ini tidak hanya mengikut bidang pekerjaan, malahan itu softskill @ kemahiran insaniah juga mempunyai persijilan kompetensi yang dapat disertai oleh graduan. Melalui carian pantas dalam laman sesawang, terdapat pelbagai agensi yang menawarkan persijilan kompetensi dalam bidang-bidang tertentu. Badan pentaulahan, kandungan kursus, tempoh masa, kos, penilaian dan ujian/peperiksaan adalah bergantung kepada jenis persijilan kompetensi yang ditawarkan.

Pelan sokongan graduan

Dalam memastikan graduan menjadi pilihan majikan, terdapat beberapa institusi yang menyediakan pelan sokongan graduan. Inisiatif yang dibuat dengan memastikan graduan mempunyai persijilan kompetensi yang telah diambil semasa mengikuti pengajian. Ia menunjukkan usaha dan tanggungjawab yang dibuat oleh institusi dalam mengekalkan daya saing pelajar untuk kekal relevan dalam menghadapi arus dan cabaran dunia kini yang *volatility, uncertainty, complexity & ambiguity* (VUCA).

Secara umumnya, persijilan kompetensi ini dapat memberikan kelebihan kepada graduan, disamping dapat meningkatkan pengetahuan, ia juga dapat memberikan '*added value*' dan pengiktirafan terhadap kepakaran yang ada pada seseorang individu, sekali gus '*market value*' individu terbabit dapat ditingkatkan. Majikan akan memilih individu yang mempunyai '*extra value*' kepada organisasi sebagai pilihan utama, yang mana individu tersebut dapat membantu dalam memacu organisasi ke arah kecemerlangan. Elemen '3-V' ini dapat membuktikan kejayaan institusi dalam kemenjadian graduan yang holistik. Malahan, dengan melengkapkan kebolehupayaan dan kepakaran bidang melalui persijilan kompetensi, ia dapat memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat.

Seiring dengan perkembangan ekonomi dunia dan negara, di samping daya saing yang kekal utuh, keperluan graduan untuk mempersiapkan diri dengan kekal lestari adalah amat penting. Graduan perlu memastikan kelengkapan diri dalam konteks pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme. Ia sekali gus dapat memberikan impak kepada graduan hari ini untuk kekal menjadi pilihan majikan, sama ada majikan tempatan atau mampu melengkapi pasaran kerja antarabangsa.

BERNAMA

23 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | PEMEGANG SIJIL, DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA LAYAK MASUK KE PERKHIDMATAN AWAM

Pemegang Sijil, Diploma Kemahiran Malaysia Layak Masuk Ke Perkhidmatan Awam – Tpm

⌚ 23/07/2024 10:50 PM



Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengurus Jawatankuasa Majlis TVET Negara Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata pemegang sijil dan diploma yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) layak memasuki sektor perkhidmatan awam.

Justeru, beliau meminta agar dakwaan di beberapa portal media kononnya Diploma Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk diguna pakai bagi berkhidmat dalam Skim Perkhidmatan Awam dihentikan.

"Saya berharap spekulasi seperti ini tidak diperbesar bagi mengelakkan kesalahfahaman masyarakat sedangkan potensi bidang TVET sangat besar termasuk kebolehpasaran graduan mencatatkan 94.5 peratus pada 2023 berbanding 92.5 peratus pada 2022 yang menunjukkan penerimaan dan pengiktirafan tinggi industri terhadap graduan TVET," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Ahmad Zahid berkata secara umumnya, program terbabit dilaksanakan oleh institusi TVET berdasarkan petaulahan oleh dua badan akreditasi utama iaitu Agensi Kelayakan Malaysia dan JPK berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia.

"Persijilan Kemahiran Malaysia yang dikeluarkan oleh JPK merangkumi peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi tahap 1, 2 dan 3; Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) bagi tahap 4 dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) bagi tahap 5.

"Pensijilan ini adalah berdasarkan kepada kompetensi pekerjaan atau kemahiran yang diperlukan oleh industri yang didokumenkan sebagai Standard Pekerjaan Kemahiran Malaysia (SPKM) atau lebih dikenali dengan singkatan NOSS," katanya.

Beliau berkata bagi sektor perkhidmatan awam, berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 - Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saran Malaysia yang dikeluarkan oleh JPA, sebanyak 68 skim perkhidmatan iaitu 66 bagi gred 19 dan 2 bagi gred 29 telah memperuntuk Persijilan Kemahiran Malaysia sebagai antara syarat permohonan ke Perkhidmatan Awam.

Ahmad Zahid berkata berdasarkan Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam, atau eSisraf, kelayakan DKM turut diterima untuk lantikan ke Perkhidmatan Awam.

eSisraf ialah sistem daftar yang menyenaraikan semua program pengajian peringkat sijil, diploma, diploma lanjutan dan ijazah sarjana muda serta mana-mana kelayakan diiktiraf oleh kerajaan.

Beliau berkata dari semasa ke semasa, JPK akan merujuk kepada JPA bagi meneliti perihal pengiktirafan jika terdapat bidang pekerjaan lain di sektor kerajaan yang memerlukan Pensijilan Kemahiran Malaysia.

Ahmad Zahid berkata ini bagi membuka peluang lebih luas kepada graduan TVET yang dikeluarkan melalui Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia untuk berkhidmat dalam sektor kerajaan sekali gus meningkatkan kualiti perkhidmatan awam secara keseluruhan.

"Sebagai Penggerusi Majlis TVET Negara, saya komited untuk meneruskan usaha memperkasakan TVET secara menyeluruh dan melahirkan lebih ramai tenaga mahir tempatan.

"Ini adalah usaha kerajaan untuk mewujudkan peluang pekerjaan berimpak tinggi selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0, perubahan iklim dan amalan kemampanan, anjakan demografi serta globalisasi rantai nilai yang akan mengubah sifat pekerjaan yang memerlukan lebih ramai tenaga kerja mahir," katanya.

BERNAMA

23 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | KERAJAAN AKAN WUJUDKAN KURSUS FISIOTERAPI DALAM TVET

Kerajaan Akan Wujudkan Kursus Fisioterapi Dalam Tvet - Ahmad Zahid

⌚ 23/07/2024 06:50 PM



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (dua, kiri) merangkap Menteri Kemajuan desa dan Wilayah (KKDW) melakukan gimbik perasmian Pusat Fisioterapi dan Rehabilitasi Sukan ProPain, hari ini. Turut hadir Penggerusi Kumpulan ProPain, Dr Shahir Anuar (kiri) dan Pengarah Urusan Kumpulan ProPain, Khairi Sulaiman (kanan). -- fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

SHAH ALAM, 23 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan mewujudkan sijil bagi kursus kemahiran fisioterapi untuk dimasukkan dalam aliran Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) negara, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata terdapat keperluan untuk kerajaan mewujudkan kursus kemahiran berkenaan bagi mengimbangi nisbah seorang ahli fisioterapi dengan kadar kependudukan negara.

Beliau berkata ketika ini nisbah ahli fisioterapi di Malaysia adalah satu ahli fisioterapi kepada 7,400 penduduk dan kadar itu agak berbeza berbanding di negara maju lain.

"Di negara-negara maju, terdapat kadar kependudukan seorang ahli fisioterapi bagi setiap 2,000 penduduk.

"Di negara kita, seorang ahli fisioterapi kepada 7,400 penduduk. Jadi, ini merupakan satu langkah jangka panjang yang harus digarap oleh sistem TVET," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Fisioterapi dan Rehabilitasi Sukan ProPain di Seksyen 13, di sini hari ini.

Ahmad Zahid yang juga Pengurus Jawatankuasa Majlis TVET Negara berkata sebelum ini, kursus fisioterapi banyak ditawarkan di kolej dan universiti menerusi fakulti perubatan dan kesihatan sekurang-kurangnya di peringkat Diploma.

Untuk itu, katanya kursus persijilan di peringkat bawahan boleh dilakukan melalui beberapa institusi TVET yang akan diumumkan kelak.

Timbalan Perdana Menteri berkata pada peringkat permulaan, kursus itu akan memberikan latihan asas menerusi Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bagi tahap 1 dan 2.

"Oleh kerana negara memerlukan ahli fisioterapi yang ramai, maka ini adalah bidang yang harus diceburi tanpa melalui sistem akademik yang biasa," katanya.

BERNAMA

24 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | JPA SEDIA RUANG, PELUANG GRADUAN TVET BERKHIDMAT DALAM SEKTOR AWAM

Jpa Sedia Ruang, Peluang Graduan Tvet Berkhidmat Dalam Sektor Awam

⌚ 24/07/2024 07:25 PM



PUTRAJAYA, 24 Julai (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menyediakan ruang dan peluang kepada graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang berkelayakan untuk berkhidmat dalam sektor awam melalui syarat lantikan lebih luas serta fleksibel.

Menurut kenyataan JPA di sini hari ini, perkara berkenaan selaras keputusan kerajaan meneruskan usaha memperkasakan TVET di bawah Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA).

Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah memperluas kelayakan Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam syarat lantikan Gred 19 dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) atau Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) dalam syarat lantikan Gred 29.

Pelaksanaan inisiatif itu bakal diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam masa terdekat.

"Menerusi SSPA, JPA menyediakan ruang dan peluang kepada graduan berkelayakan TVET untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam melalui syarat lantikan lebih luas serta fleksibel.

"JPA sentiasa bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Kemahiran Malaysia, Kementerian Sumber Manusia untuk memperuntukkan kelayakan TVET yang diiktiraf MQA dalam kelayakan masuk skim perkhidmatan yang bersesuaian dalam perkhidmatan awam," menurut kenyataan itu.

Penetapan kelayakan TVET dalam syarat lantikan ke perkhidmatan awam bergantung kepada kesesuaian bidang kemahiran tertentu di dalam skop dan huraian tugas sesuatu skim perkhidmatan serta dilaksanakan susulan perbincangan dengan ketua perkhidmatan yang berkaitan.

"Sebagai contoh, peruntukan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) bidang pengangkutan diletakkan sebagai syarat lantikan ke skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19 kerana bidang itu bersesuaian dengan skim berkenaan berbanding skim perkhidmatan Pembantu Perikanan Gred G19 yang menetapkan syarat SKM dalam bidang pertanian dan asas tani," menurut JPA.

Sementara itu, JPA memaklumkan pihaknya sentiasa cakna dengan keperluan industri negara dalam penyediaan modal insan berkemahiran bagi mendepani Revolusi Industri 4.0.

"Kerajaan terus mempergiat TVET dengan memperuntukkan kelayakan SKM dalam 66 skim perkhidmatan di Gred 19 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

"Bagi memastikan perkhidmatan awam sentiasa bergerak seiring keperluan negara, kelayakan DKM dan DLKM juga diperuntukkan dalam syarat lantikan bagi dua skim perkhidmatan di Gred 29 iaitu skim perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29 dan Penolong Pegawai Latihan Gred E29," menurut JPA.

BERNAMA

28 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | 200 PELAJAR INDIA DIHANTAR KE CHINA BELAJAR TVET

200 Pelajar India Dihantar Ke China Belajar TVET - Ahmad Zahid

⌚ 28/07/2024 05:57 PM



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menyampaikan sumbangan persekolahan kepada Guru Besar SJK (T) Bagan Datuk, I. Meena (kanan) pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Persekolahan SJK (T) Parlimen Bagan Datuk di Dewan Dató Mohamed Jamrah hari ini.

BAGAN DATUK, 28 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan menghantar 200 pelajar kaum India mengikuti kursus Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) ke China, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau yang juga Pengurus Majlis TVET Negara berkata jika sasaran itu berjaya, 200 lagi pelajar kaum India akan dihantar bagi program sama.

"Dalam soal pendidikan kita 'buta warna', kita mahu pastikan baik kaum India, Melayu atau Cina, kita bagi keutamaan kepada semua bangsa.

"Kita akan tempatkan pelajar India belajar TVET secara percuma ke China, dan jika mereka berjaya, bila pulang, saya akan ikhtiarkan 200 lagi ke sana," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Parlimen Bagan Datuk, di sini hari ini.

Sebelum ini Ahmad Zahid berkata kerajaan membuka peluang untuk pelajar pelbagai kaum termasuk dari Sabah dan Sarawak, mendapat pengalaman belajar TVET di China.

Kerajaan China dilaporkan sebelum ini menawarkan biasiswa percuma kepada 1,000 pelajar Malaysia, untuk menjalani kursus TVET di negara tersebut.

Sementara itu, Ahmad Zahid yang juga Ahli Parlimen Bagan Datuk berkata kerajaan juga akan memastikan pelajar cemerlang dari semua kaum, berpeluang melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam dan sekolah cemerlang seluruh negara.

"Kita tidak mahu ada keciciran, mana-mana pelajar yang layak kita akan pastikan mereka berpeluang melanjutkan pelajaran, demi menjamin masa depan dan ekonomi mereka," katanya.

Pada majlis itu, seramai 720 pelajar 14 SJKT dari Parlimen Bagan Datuk menerima bantuan sumbangan dari Ahmad Zahid.

BERNAMA

30 JULAI 2024

BERNAMA ONLINE | KPT LIHAT KEPERLUAN TAMBAH TENAGA PENGAJAR POLITEKNIK, KOLEJ KOMUNITI

KPT Lihat Keperluan Tambah Tenaga Pengajar Politeknik, Kolej Komuniti

⌚ 30/07/2024 06:10 PM



NILAI, 30 Julai (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan melihat keperluan untuk menambah tenaga pengajar di bawah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) di seluruh negara.

Menteri berkaitan Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata langkah itu bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar selain mengambil kira beberapa bidang baharu yang bakal diperkenalkan di institusi berkenaan termasuk kecerdasan buatan (AI).

"Hal ini akan dibawa dalam pertimbangan unjuran pada masa akan datang dalam penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia..ketika ini terdapat lebih 10,000 tenaga pengajar politeknik dan kolej komuniti.

"Jadi kita merasakan perlu ada penambahan itu kerana ada bidang baharu yang akan diperkenalkan, kita tak boleh ambil tenaga pengajar lama untuk dipindahkan ke situ (mengajar subjek baharu), hal itu semua akan diambil perhatian," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Kepimpinan Muda Kebangsaan Karisma: Pemikir MADANI Siri 2 bersama lebih 100 pensyarah politeknik dan kolej komuniti yang turut dihadiri Timbalan Menterinya Datuk Mustapha Sakmud.

Dalam pada itu, Zambry berkata selari dengan perkembangan bidang pendidikan, pelbagai persiapan perlu dilakukan termasuk memperluas penglibatan lebih ramai tenaga pengajar yang mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana.

"Saya ingin lihat bahawa politeknik atau kolej komuniti itu bukan semata-mata diajar oleh graduan universiti, mungkin mereka ada pengalaman tapi kualiti mungkin dapat ditingkatkan, saya mahu diangkat martabat sektor ini dengan kualiti dan pengalaman pendidikan baik," katanya.

Sementara itu, beliau berkata semua pihak bebas menyatakan pandangan dan pendapat untuk menambah baik Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia (PPPTM) 2026-2035 yang sedang dirangka.

Beliau berkata pelan tersebut turut melibatkan pandangan tokoh, pendidik dan pakar tempatan selain semua pihak berkepentingan.

Zambry sebelum ini dilaporkan berkata pelan yang dijangka siap hujung tahun ini bagi menggantikan PPPTM 2015-2025 itu, akan mencorakkan hala tuju pendidikan tinggi negara selaras dengan perkembangan teknologi semasa bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Sementara itu, beliau berkata program hari ini bertujuan memupuk asas kepimpinan dalam kalangan ahli akademik muda menerusi sesi dialog dan perkongsian, selain mendokong usaha memperkuuh kompetensi kepimpinan dalam kalangan warga muda sektor pendidikan tinggi.